



YASUMASA



NURUL ATHIYRAH

International Cultural Exchange program

UMS Nakajima Junior High School

UB 29.4.2019 AB

KOTA KINABALU: Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada Jumaat menerima kunjungan daripada delegasi Nakajima Junior High School, Jepun untuk Program Pertukaran Kebudayaan Antarabangsa bersama pelajar universiti berkenaan.

Delegasi Jepun itu diketuai oleh pengetua sekolah, Yasumasa Watanabe, bersama lapan kakitangan dan 43 pelajar. Program dianjurkan oleh Program Pengurusan Pelancongan dan Pusat Penyelidikan Pelancongan Borneo.

Pengerusi program Prof Madya Dr Awangku Hassanah Bahar Pengiran Bagul dari FPEP membentuk kandungan program untuk kesemua peserta agar mereka lebih memahami budaya negara Jepun dan Malaysia melalui permainan dan latihan komunikasi.

Dalam ucapan alu-aluannya, beliau mengucapkan terima kasih kepada delegasi Nakajima Junior High School kerana menyertai program pertukaran budaya antarabangsa itu dan berharap program berkenaan akan diteruskan pada tahun depan.

“Program ini akan

mempromosikan pembelajaran dan pengetahuan antarabangsa yang boleh mendorong pelajar ke arah penerimaan dan pemahaman pelbagai perspektif budaya serta komuniti yang berbeza,” jelasnya.

Beliau juga menjangkakan bahawa pada akhir program, para pelajar akan menjalinkan persahabatan sepanjang hayat dan memupuk minat dalam isu global serta pengetahuan umum yang lebih luas.

Sementara itu, Yasumasa menyampaikan penghargaan kepada UMS kerana memberi peluang kepada pelajar Jepun meningkatkan kemahiran perbualan berbahasa Inggeris mereka.

Mereka memutuskan untuk datang ke Kota Kinabalu kerana penduduk tempatan yang dikenali dengan kemesraannya dan lawatan ke UMS adalah salah satu agenda utama mereka.

Nurul Athiyrah Jamali, seorang pelajar tahun akhir di fakulti berkenaan, menyatakan dia menjadi sukarelawan untuk program itu bagi meningkatkan kemahiran komunikasinya dengan warga asing sambil membentuk kesedaran mengenai dinamik kumpulan dan sensitiviti peribadi terhadap orang lain.